

11.3.3 Membandingkan amalan sambutan perayaan dahulu dan kini.

K11.3.7 Merumus kepentingan menghargai warisan perayaan masyarakat Malaysia.

1. Isikan tempat kosong menggunakan perkataan-perkataan yang diberikan. TP 2

perubahan	kad ucapan	kolam	media elektronik	hampas kelapa	membeli
media sosial	membuat	mempererat	pembangunan	restoran	makan besar

- Arus _____ yang melanda negara kita telah membawa _____ kepada amalan tradisional yang diamalkan pada masa dahulu.
- Dahulu, kebanyakan masyarakat Melayu akan _____ kuih-muih tradisional untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri, namun generasi kini lebih cenderung untuk _____ kuih-muih moden yang mudah diperolehi dari pasaran.
- Masyarakat Cina masih mengekalkan tradisi _____ bersama ahli keluarga sehari sebelum Tahun Baharu Cina, namun apa yang berubah kini ialah mereka lebih gemar untuk berkumpul dan makan bersama-sama keluarga di _____.
- Pada masa dahulu, masyarakat India akan melukis _____ dengan menggunakan tepung putih, namun kini mereka telah menggunakan beras atau _____ untuk menghasilkan lukisan yang lebih menarik dan berwarna-warni.
- Masyarakat masa dahulu akan menghantar _____ melalui pos kepada kawan dan sanak saudara sempena hari perayaan, namun amalan ini telah digantikan dengan hantaran kata-kata ucapan melalui _____ dan _____.
- Menyambut hari perayaan bersama ahli-ahli keluarga bukan sahaja dapat _____ hubungan antara ahli keluarga, malah dapat membawa kepada wujudnya keluarga yang bahagia.


2. Lihat gambar dan nyatakan amalan budaya dan adat resam yang masih kekal diwarisi sehingga kini. TP 2



(a)



(b)



(c)



(d)